

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	19 JANUARY 2017

SEMPENA DIALOG PERDANA TN50 HARI INI


# TN50 REALISASIKAN MASA HADAPAN



**T**RANSFORMASI 2050 (TN50) yang pertama kali disebut oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa sesi pembentangan Bajet 2017 masih baharu buat rakyat Malaysia. Meskipun sejak memegang tampuk pemerintahan negara, Najib telah memperkenalkan pelbagai program transformasi seperti Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Politik (PTP) dan Program Transformasi Sosial (STP), namun TN50 lebih meluas lagi yang mana mencakupi semua aspek transformasi yang telah diperkenalkan oleh kerajaan.

Dalam hal ini, masa hadapan sejahtera sewajarnya menjadi sasaran utama bukan setakat kerajaan tetapi juga rakyat Malaysia pada masa ini untuk 'dihadiahkan' dan seterusnya diwariskan kepada generasi masa hadapan. Masakan tidak, menjelang tahun 2050, rata-rata rakyat Malaysia pada masa ini sudah berusia dan pastinya ada yang sudah tiada lagi. Jadi, tiada apa yang lebih penting berbanding mewariskan masa hadapan yang sejahtera buat generasi pada masa tersebut.

Kayu pengukur di sini adalah kesejahteraan. Dalam hal ini, siri dialog nasional akan diadakan untuk mendapatkan maklum balas generasi muda negara mengenai intipati TN50 yang diinginkan oleh mereka. TN50 yang berasaskan pandangan akar umbi dari bawah ke atas berbanding dasar sebelum ini berbentuk arahan atas ke bawah menjadi paksi bahawa rakyatlah yang sewajarnya menentukan dasar dan polisi negara. Masakan tidak, era sekarang rakyat lebih mengetahui berbanding era kerajaan mengetahui segala-galanya. Lagipun, rakyat jugalah yang telah memilih kerajaan untuk memastikan kelestarian kesejahteraan mereka dan negara.



SEMUA pihak khususnya generasi muda perlu memberikan idea ketika sesi Dialog Perdana TN50 yang akan dihadiri Najib Tun Razak dan Menteri Belia dan Sukan, Khairy Jamaluddin di Universiti Malaya (UM), Kuala Lumpur, hari ini. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

Justeru, apakah intipati TN50 yang sewajarnya berteraskan kesejahteraan rakyat dan negara? Tiada apa yang lebih penting selain menjalani kehidupan yang selesa, bahagia dan selamat serta memiliki alam sekitar yang lestari. Kerajaan juga sedang berusaha untuk memperkenalkan indeks kegembiraan. Ini satu lagi intipati yang mencerminkan kesejahteraan rakyat.

Intipati ini perlu mencakupi sifat tersendiri, iaitu rakyat Malaysia memiliki jati diri dan identiti Malaysia yang cemerlang dan hebat. Ini termasuklah memiliki sahsiah yang terbaik. Di sinilah soal nilai perlu ditekankan. Kita tidak mahu mewariskan sebuah negara yang maju tetapi rakyat dan pemimpinnya mudah bergaduh, prejudis, berfikiran negatif dan tidak memiliki nilai jati diri.

Misalnya, setiap kali rakyat Malaysia diiktiraf di peringkat antarabangsa, rakyat Malaysia keseluruhannya perlu bersatu hati, bersemangat menyokong dan menghargai pengiktirafan tersebut dan bukannya sekadar menjadi pengkritik sepanjang masa dalam perkara remeh-temeh seperti apa yang berlaku kepada Mohd. Faiz Subri. Kejayaan beliau mengharumkan nama Malaysia dengan memenangi Anugerah

Puskas FIFA 2016 yang antara anugerah tertinggi bola sepak antarabangsa sepatutnya diraikan seluruh rakyat Malaysia.

Sewajarnya menjelang tahun 2050 kita memiliki ramai tenaga pakar yang hebat dan dikagumi bukan setakat di negara sendiri tetapi juga di peringkat antarabangsa. Rakyat Malaysia mampu melakukannya sebagaimana Nur Adlyka Ainul Annuar telah berjaya membuktikannya menerusi penemuan lubang hitam raksasa di galaksi.

Di sinilah betapa pentingnya sistem pendidikan negara agar mampu melahirkan rakyat Malaysia yang terbilang di peringkat antarabangsa. Mereka ini tidak semestinya datang daripada keluarga yang kaya raya tetapi juga golongan miskin bandar mahupun luar bandar mampu mencapai kepakaran yang cukup tinggi dan diiktiraf di peringkat antarabangsa. Dengan itu, sasaran melahirkan pemenang Hadiah Nobel juga perlu dimasukkan dalam TN50.

Kita boleh mengambil pelbagai ranking di dunia untuk menjadi sasaran utama tetapi ranking 20 negara teratas perlu inklusif buat seluruh rakyat Malaysia berteraskan kelestarian kesejahteraan. Tiada seorang pun rakyat Malaysia patut tertinggal ekor

peredaran masa dan kemajuan teknologi. Lebih-lebih lagi, kemajuan ekonomi yang ingin dicapai oleh negara sewajarnya dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira warna kulit dan asal keturunan mereka.

Kesemuanya ini perlu di-sasarkan dalam tempoh 30 tahun mendatang meskipun sukar untuk sesiapa sahaja meramalkan apa yang akan berlaku pada masa akan datang. Sebab itulah dinamakan sebagai transformasi sejajar dengan sifat perubahan yang begitu dinamik.

Namun, perancangan dan pelaksanaan serta persediaan rapi oleh kerajaan, pihak swasta dan rakyat Malaysia keseluruhannya akan membolehkan TN50 direalisasikan berasaskan masa hadapan yang sejahtera. Justeru, marilah bersamasama merealisasikan TN50 sebagai wawasan negara yang menjadi hak rakyat berasaskan acuan Malaysia untuk mengangkat kecemerlangan masa hadapan negara sebagai antara yang terbaik dan paling sejahtera di dunia.

**DR. ROHAMI SHAFIE** ialah Pensyarah Kanan Perakaunan dan Kewangan, Pusat Pengajian Perakaunan Tunku Puteri Intan Safinaz (TISSA-UUM), Kolej Perniagaan (COB), Universiti Utara Malaysia (UUM).